

Mayat bayi dalam longkang

Kematian disebabkan sesak nafas akibat lipatan tuala di badan

>>Oleh Rudy Syareme
Sheriffudin
am@hmetro.com.my

BALIK PULAU: Kejam! Hanya ini yang dapat diungkapkan apabila seorang kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menemui mayat bayi lelaki dalam keadaan terlentang dalam longkang di Teluk Bahang, semalam.

Kakitangan berusia 36 tahun sedang bekerja membersihkan longkang di Kilometer 5.3 Jalan Teluk Bahang menghala Batu Feringgi apabila terlihat satu bungkusan berupa kain tuala di dalamnya kira-kira jam 10 pagi.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan Mohd

Hatta Md Zain, berkata kakitangan MPPP itu kemudian menghubungi polis apabila mendapati bungkusan itu mengandungi mayat bayi yang masih bertali pusat.

Beliau berkata, berdasarkan siasatan awal, mayat bayi berkenaan dipercayai baru saja dilahirkan, ditinggalkan atau dibuang ke dalam longkang berkenaan berdasarkan masih mempunyai kesan darah pada tubuhnya.

Katanya, polis sedang menjalankan siasatan mengenal pasti bangsa dan pihak yang bertanggungjawab membuang bayi berkenaan.

Difahamkan, kakitangan MPPP yang menemui mayat itu membuat laporan di Balai Polis Teluk Bahang.

H.M 05/03/09 MS

**Siasatan lanjut
dijalankan mengikut
Seksyen 309 B
Kanun Keseksaan
atas kesalahan
membunuh anak dan
sabit kesalahan boleh
dipenjara sehingga
20 tahun atau denda
atau kedua-duanya
sekali.**

“Mayat bayi berkenaan dihantar ke Hospital Pulau Pinang (HPP) untuk bedah siasat bagi mengetahui punca sebenar kematiannya.

“Siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 309 B Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh anak dan sabit kesalahan boleh dipen-

jara sehingga 20 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Sementara itu, Pakar Patologi dan Forensik HPP, Datuk Bhupinder Singh ketika dihubungi, berkata berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan punca kematian disebabkan sesak nafas akibat lipatan tuala pada badan bayi berkenaan.

Beliau berkata, siasatan juga mendapati tiada kesan kecederaan lain di badan bayi malang itu.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat diminta menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya di talian 04-8662222 atau mana-mana balai polis berhampiran.



DI SINI...tempat mayat bayi lelaki ditemui, semalam.